

31/10/1997

Mahathir kesal tabung letak syarat tambahan

SUBANG, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed kesal dengan sikap Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang mengenakan syarat tertentu untuk membantu negara yang mengalami masalah ekonomi.

Perdana Menteri sedih kerana IMF melihat masalah ekonomi yang melanda sesetengah negara di rantau ini sebagai peluang untuk mengenakan syarat tambahan sebelum memberi bantuan.

"Kita sedih sikit kerana mereka melihat ini sebagai satu peluang mengenakan syarat tambahan.

"Sebab itu kita mengelak daripada meminta pertolongan dan kita boleh mengatasi masalah kita kalau rakyat sendiri menyokong kerajaan dan sanggup berdisiplinkan diri," katanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) setibanya dari luar negara, petang ini.

Laporan akhbar hari ini menyebut IMF bersedia membantu negara yang mengalami masalah ekonomi tetapi mengenakan syarat mahu dasar ekonomi lebih tegas diperkenalkan oleh negara berkenaan.

Timbalan Pengarah Urusan 1 IMF, Stanley Fischer berkata, tabung itu sudah bersedia membantu memberi pinjaman kepada Indonesia yang dilanda krisis ekonomi baru-baru ini.

Bagaimanapun, negara berkenaan perlu mematuhi syarat yang dikenakan oleh IMF.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan dijajah kembali, manakala rakyat tidak akan diperhambakan oleh orang lain jika mereka menyokong kerajaan dan mendisiplinkan diri.

Menjawab soalan, Dr Mahathir berpendapat bahawa dunia tidak akan selamat selagi tidak ada peraturan dalam soal dagangan.

"Sementara mereka mendesak supaya kita memerintah melalui undang-undang (rule of law), tetapi dalam dagangan tidak ada rule of law, rule of regulation ataupun apa-apa rule.

"Mereka buat sesuka hati mereka, kalau mereka hendak kerajaan patuh kepada peraturan undang-undang, maka semua pihak mesti mematuhi," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau kurang faham kenapa mereka mendesak dikenakan peraturan kepada kerajaan tetapi tidak kepada terhadap fenomena yang dianggap kuasa pasaran itu.

"Kononnya kuasa pasaran ini boleh mengawal, mendisiplinkan diri. Mana boleh, bila nampak duit saja, mata dia terbeliak," katanya.

(END)